

**MCA Dapatkan Pandangan Undang-undang Mengenai EGM - Chua Soi Lek  
Bernama  
10 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- MCA akan mendapatkan pandangan undang-undang tentang sama ada mesyuarat agung luar biasa (EGM) seperti dicadangkan puak timbalan presiden Datuk Seri Liow Tiong Lai boleh diadakan.

Presiden parti Datuk Seri Dr Chua Soi Lek berkata pucuk pimpinan parti perlu meneliti permintaan bagi diadakan EGM untuk membincangkan, antara lain, pembatalan penggantungan tiga tahun ke atas anggota exco negeri Johor Datuk Tee Siew Kiong, kerana ini melibatkan isu perundangan dan teknikal.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat majlis presiden MCA di sini Selasa, beliau berkata perkara terlibat termasuk penetapan waktu untuk diadakan EGM, dengan mengambil kira bahawa pemilihan bahagian parti dijadual berlangsung pada 22 Sept bagi memilih perwakilan pusat MCA yang baru.

Semalam, Liow dan 13 anggota lain jawatankuasa pusat (CC) MCA meminta diadakan EGM dalam masa tujuh hari, dengan menyatakan bahawa pembatalan penggantungan Tee oleh CC bertentangan dengan resolusi parti dibuat pada 2011 dan 2012.

Menurut perlembagaan parti, EGM boleh diadakan dalam tempoh 21 hari selepas pengeluaran notis kepada perwakilan pusat.

Dalam pada itu, Dr Chua enggan membuat sebarang kenyataan bila ditanya mengenai spekulasi yang beliau akan mempertahankan jawatannya pada pemilihan parti 21 Dis depan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=976772>